

06 AUG 2001

ISU SABAH TIADA DALAM AGENDA, KATA DR MAHATHIR

LUMUT, 6 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata soal tuntutan Filipina terhadap Sabah bukan satu isu bagi Malaysia dan tidak akan dibincangkan semasa pertemuan beliau dengan Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo esok.

"Kita tak masuk agenda itu. Itu bukan isu," katanya ketika ditanya sama ada isu Sabah akan dibincangkan semasa lawatan Arroyo ke Malaysia bermula esok.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Arroyo dalam satu temubual dengan wartawan TV3 di Manila bahawa isu Sabah akan dibangkitkan semasa lawatan itu.

Bercakap pada sidang media di akhir lawatan beliau ke Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di sini, Dr Mahathir berkata antara yang akan dibincangkan ialah hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

"Ini termasuk peranan kita dalam menolong menyelesaikan masalah di selatan Filipina," katanya.

Turut akan dibincangkan ialah soal perdagangan dan beberapa perkara lain yang Filipina menunjukkan minat, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AR KAY AT ZS MAI